



Contents lists available at [Journal IICET](#)

Lentera Negeri

Journal homepage: <http://journal.iicet.org/index.php/lentera>



The study of information accessibility levels in obtaining industrial training placements among PMS students

Fazilah Ismail^{1*}, Nur Dalila Abdullah¹, Mohd Shahfudin Mohd Hatta²

¹ Departemen of Information Technology and Communication/ Politeknik Muadzam Shah/ Pahang/ Malaysia

² Industrial Training Unit/ Politeknik Muadzam Shah/ Pahang/ Malaysia

Article Info

Article history:

Received Aug 24th, 2024

Revised Sept 27th, 2024

Accepted Oct 03rd, 2024

Keyword:

Internship

Access to information

Industry

ABSTRACT

This study focuses on the feedback of Muadzam Shah Polytechnic students on the level of information accessibility to obtain industrial training places. Industrial Training (LI) is the process by which students are placed in an organization to complete hands-on training under the guidance of a designated industrial supervisor. This placement can take place domestically or overseas, depending on the student's field, and it must be completed within a time frame specified by the institution that grants the Certificate, Diploma, or Degree. A systematic random sample consisting of 149 Muadzam Shah Polytechnic final semester students and students receiving industrial training was employed in this study. The Muadzam Shah Polytechnic Industrial Training Unit cooperated in the development of the questionnaire, which was then used as a tool to be given online to a random sample of students. The analysis of the study was conducted using SPSS version 29 software, which found that centralized information mediums for students are crucial in ensuring the efficiency of the industrial training placement application process, as well as reducing the percentage of students who fail to secure training placements within the institution's specified timeframe.



© 2024 The Authors. Published by IICET.

This is an open access article under the CC BY-NC-SA license

(<https://creativecommons.org/licenses/by-nc-sa/4.0>)

Corresponding Author:

Fazilah Ismail,

✉ fazilah@pms.edu.my

Pendahuluan

Latihan industri merupakan syarat wajib bagi pelajar dianugerahkan Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda dan juga untuk meningkatkan kompetensi dalam aspek praktikal dan kebolehpasaran pelajar dalam mendapatkan pekerjaan selepas menamatkan pengajian nanti (Dzia-Uddin, 2020). Peranan latihan industri sangat penting kepada pelajar dalam memberikan pendedahan awal kepada persekitaran alam pekerjaan yang sebenar serta berpeluang melalui pengalaman baru dan meneroka bidang yang dipelajari dalam dunia sebenar. Dengan ini, pelajar lebih berpeluang berdikari dalam memperkembangkan kemahiran mereka sebelum berhadapan dengan alam pekerjaan yang sebenar melalui teknik pemerhatian dan praktikal sepanjang menjalani latihan yang diselia oleh penyelia industri yang berpengalaman (KPT, 2022).

Dalam memastikan institusi dapat melahirkan graduan yang berpotensi dan kompeten, peranan semua pihak termasuk institusi dan industri amatlah penting dalam mempertingkatkan kemahiran mereka serta mampu berkompertitif dan berdaya saing dalam pasaran pekerjaan yang mencabar masa kini. Kebolehpasaran graduan di Malaysia perlu diberikan penekanan yang penting terutamanya dalam

perubahan ekonomi akibat pandemik dan suasana endamik kini. Jesteru itu, perlunya pendekatan yang lebih agresif yang memerlukan kerjasama pelbagai pihak termasuk pelajar, institusi dan industri (N. Yusof et al., 2013).

Faktor ketersediaan pelajar dalam menjalani latihan industri juga perlu diberikan penekanan yang penting untuk memastikan kualiti dan prestasi latihan yang akan ditempuhi mereka. Tinjauan tahap kebolehcapaian maklumat merupakan keperluan kajian ini untuk melihat sejauh mana ketersediaan pelajar dalam membuat permohonan penempatan Latihan industri yang sesuai dengan bidang yang dipelajari serta memenuhi keperluan pelajar nanti. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti tahap kebolehcapaian maklumat yang berkaitan penempatan latihan industri pelajar Politeknik Muadzam Shah. Disamping itu juga, kajian ini dapat menyelidik keperluan utama yang menjadi prioriti pemilihan penempatan latihan industri di kalangan pelajar Politeknik Muadzam Shah sekaligus dapat membantu menyediakan medium yang lebih baik kepada pelajar dengan membangunkan sistem yang lebih efektif dalam proses permohonan penempatan latihan industri kelak.

Kepentingan latihan industri kepada pelajar institusi pendidikan di Malaysia telah menjadi peranan yang utama dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pelajar dalam bidang secara praktikal. Hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi untuk merealisasikan matlamat melahirkan graduan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) yang berpotensi dan berketrampilan tinggi juga menjadi cabaran kepada institusi dalam menyediakan latihan yang memenuhi keperluan sektor pekerjaan (M. M. Yusof & Mohiddin, 2018). Jesteru itu, persediaan pelajar dalam mengharungi dunia latihan industri amatlah perlu diberikan penekanan yang tinggi. Ini sejajar dengan strategi kerajaan untuk mempertingkatkan pendidikan TVET seperti yang direncanakan dalam RMK-10, yang bermatlamat menyediakan laluan alternatif dalam memastikan bakat dan potensi individu dapat direalisasikan sepenuhnya (N. Yusof et al., 2013).

Pelbagai faktor menjadi sebab kepada pemilihan penempatan latihan industri mengikut gaya hidup dan keperluan pelajar yang perlu diberikan perhatian. Beberapa aspek yang perlu diberikan perhatian adalah seperti faktor lokasi, kewangan, penginapan dan berjauhan dengan keluarga yang banyak menyumbang kepada potensi mereka sepanjang menjalani latihan nanti. Sehubungan itu, amat penting bagi sesebuah institusi mengenal pasti masalah pelajar dan menyediakan capaian maklumat yang mudah dan bersesuaian mengikut tahap kemampuan pelajar tersebut sebelum keluar mejalami latihan industri seterusnya alam pekerjaan mereka (Lim, 2024).

Pelajar perlu merujuk proses permohonan penempatan latihan industri yang ditetapkan oleh politeknik masing-masing yang mana kriteria pemilihan penempatan boleh dipertimbangkan oleh pelajar dari segi beberapa aspek utama seperti industri yang mempunyai lesen yang sah, persekitaran kerja dan sosial yang sihat, bayaran elaun serta kemudahan pengangkutan dan penginapan yang disediakan oleh industri tersebut dan lain-lain aspek yang diperlukan oleh pelajar itu sendiri (KPT, 2022).

Cabaran revolusi perindustrian 4.0 serta era pendigitalan juga menjadi pemangkin kepada peningkatan peranan institusi dalam melahirkan tenaga kerja yang cekap, berkemahiran dan dapat menyumbang kepada pembangunan negara serta memenuhi keperluan pasaran pekerjaan semasa dan berdaya saing dalam arena global (JPPKK, 2023). Pelajar seharusnya mengoptimumkan pengalaman semasa Latihan industry bagi meningkatkan kemahiran dan mengembangkan potensi diri mereka di alam pekerjaan nanti (Tahrir et al., 2023). Latihan industri juga merupakan permulaan pelajar menuju arena yang lebih mencabar yang memerlukan nilai-nilai murni dan kemanusiaan sebagai seorang individu yang dapat memimpin yang merangkumi konsep Malaysia Madani kini (Mohammad, 2023).

Metode

Platform Google Form digunakan secara atas talian bagi mengedarkan pautan borang soal selidik kepada pelajar Politeknik Muadzam Shah secara rawak. Tinjauan tahap kesediaan pelajar dalam menjalani latihan industri dilaksanakan dengan menggunakan data jenis kuantitatif bagi memperolehi maklumbalas pelajar. Pembinaan item soal selidik ini telah disemak dan mendapat pandangan penyelaras latihan industri dan pelajar yang terpilih. Terdapat dua bahagian dalam item soal selidik iaitu Bahagian A adalah latar belakang dan maklumat demografi responden manakala Bahagian B yang mengadungi 10 item merupakan item yang berskala. Sampel kajian ini terdiri daripada pelajar semester akhir dan juga pelajar yang sedang menjalani sesi latihan industri bagi sesi 2 2023/2024.

Hasil dan Pembahasan

Analisis yang digunakan dalam kajian ini adalah analisis deskriptif yang mana data dianalisis menggunakan gambaran, menampilkan dan menyimpulkan sekumpulan data untuk menjelaskan fakta-fakta sesuatu populasi secara terperinci, mudah dan tepat (Hasbullah et al., 2023). Berikut merupakan demografi responden yang diperolehi secara rawak dari semua jabatan akademik, Politeknik Muadzam Shah. Responden terdiri daripada 75.8% adalah pelajar perempuan manakala 24.2% lagi adalah pelajar lelaki yang majoritinya sebanyak 94% responden berumur antara 21 hingga 23 tahun. Responden yang dipilih secara rawak ini adalah sebanyak 91.3% adalah pelajar semester akhir seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 dibawah. Responden ini juga adalah pelajar bakal memohon latihan industri dan selebihnya sebanyak 9.3% pelajar yang sedang menjalani latihan industri bagi sesi tersebut. Jadual 2 menunjukkan peratusan responden mengikut jabatan akademik yang mengambil bahagian dalam kajian ini.

Jadual 1. Semester Responden

	Bilangan Responden	Peratus (%)
Sem 5	136	91.3
Latihan Industri	13	8.7
Jumlah	149	100.0

Jadual 2. Responden mengikut Jabatan Akademik

Jabatan Akademik	Jumlah Responden	Peratusan (%)
Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi	27	18.1
Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual	13	8.7
Jabatan Kejuruteraan Mekanikal	8	5.4
Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti	29	19.5
Jabatan Perdagangan	72	48.3
Jumlah Keseluruhan	149	100

Analisis Dapatan Kajian

Hasil kajian menunjukkan bahawa bilangan kekerapan memohon penempatan latihan industri secara manual telah berlaku beberapa kali sebelum dipilih oleh sesebuah syarikat. Jadual 3 menunjukkan hanya 41.6% pelajar yang berjaya memperolehi penempatan latihan industri dengan sekali permohonan sahaja. Manakala 58.4% pelajar pula perlu memohon melebihi sekali permohonan sebelum diterima menjalani latihan. Ini menunjukkan tahap kesukaran kepada pelajar untuk membuat permohonan penempatan dan diterima menjalani latihan industri melebihi 50%. Masa yang diperuntukkan kepada pelajar untuk memohon penempatan adalah sebulan selepas sesi taklimat diberikan oleh pegawai latihan industri politeknik masing-masing (KPT, 2022).


Jadual 4 menunjukkan masa menunggu jawapan penempatan oleh pihak industri kepada pelajar yang mana 10.7% pelajar melebihi masa yang telah ditetapkan oleh pihak Politeknik Muadzam Shah. Hanya 32.9% sahaja pelajar yang berjaya mendapat jawapan kurang dari 5 hari bekerja. Ini menunjukkan pelajar perlu menunggu masa yang lama sebelum menerima pengesahan penempatan daripada pihak industri. Rajah 1 menunjukkan peratus responden yang menghadapi kesukaran untuk mencapai maklumat berkaitan industri yang ingin dipohon penempatan latihan yang mana 49% memberi respon sederhana manakala 6% memberi respon tidak mudah dicapai. Ini menunjukkan kadar capaian maklumat berkaitan industri yang berkaitan bidang masih sukar diperolehi oleh pelajar.

Jadual 3. Bilangan Kekerapan Pelajar Memohon Penempatan Latihan Industri

Bilangan kekerapan	Jumlah Responden	Peratusan (%)
1 kali	62	41.6
2 kali	34	22.8
3 kali	25	16.8
4 kali	5	3.4
Melebihi 5 kali	23	15.4
Jumlah Keseluruhan	149	100

Jadual 4. Masa Menunggu Jawapan Penempatan Oleh Pihak Industri

Bilangan kekerapan	Jumlah Responden	Peratusan (%)
< 5 hari	49	32.9
5 hingga 10 hari	51	34.2
11 hingga 20 hari	23	15.4
21 hingga 30 hari	10	6.7
Melebihi 30 hari	16	10.7
Jumlah Keseluruhan	149	100



Gambar 1. Peratus responden mudah mencapai maklumat berkaitan industri

Hasil kajian menunjukkan keseluruhan respon pelajar terhadap kesediaan dan masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam proses permohonan penempatan latihan industri adalah ditahap yang sederhana iaitu purata min (2.77). Penetapan kadar skor min ini telah dirujuk (Haron & Mohamed, 2016) iaitu skor min 1.00 – 2.40 (Rendah), 2.41 – 3.80 (Sederhana), dan 3.81 – 5.00 (Tinggi). Analisis bagi beberapa item soalan juga ditahap yang agak rendah. Antara item yang ditahap paling tinggi adalah pemilihan tempat latihan industri adalah bergantung kepada faktor kewangan pelajar itu sendiri. Jadual 5 menunjukkan keseluruhan item soalan yang berkaitan pemilihan penempatan latihan industri dikalangan pelajar Politeknik Muadzam Shah.

Jadual 5. Refleksi pelajar berkaitan kesediaan dalam memohon penempatan latihan industri

Item	Min
Tidak Mahir Membuat Curriculum Vitae (CV)	2.85
Hilang arah sebab tidak tahu apa yang perlu dilakukan?	2.56
Tidak tahu industri yang sesuai dengan bidang dipelajari	2.21
Terlalu memilih untuk penempatan latihan industri yang berdekatan dengan rumah	3.05
Memikirkan faktor kewangan ketika memilih penempatan latihan industri	3.76
Memilih penempatan latihan industri yang menyediakan penginapan ketika latihan	2.91
Kurang ambil tahu industri yang berkaitan bidang	2.11
Memilih industri yang menyediakan elaun ketika menjalani latihan nanti	2.28
Pelajar tidak mendapat maklumat gambaran awal tentang syarikat ketika memohon penempatan	2.28
Medium maklumat penempatan Latihan Industri sedia ada kepada pelajar adalah mencukupi kepada pelajar	1.61

Perbincangan Kajian

Berdasarkan hasil analisis yang telah dijalankan menunjukkan bahawa tahap kebolehcapaian maklumat penempatan latihan industri kepada pelajar Politeknik Muadzam Shah masih berada ditahap yang sederhana. Ini telah dibuktikan dengan pencapaian purata skor min bagi item soalan adalah ditahap yang sederhana serta beberapa item ditahap yang rendah iaitu pelajar tidak mendapat gambaran awal tentang industri, elaun dan skop kerja yang sepatutnya dicadangkan oleh pihak industri itu sendiri. Faktor ini sangat perlu diambil berat oleh pihak institusi bagi memastikan skop kerja yang diberikan kepada pelajar adalah menepati bidang dan setimpal dengan elaun yang sepatutnya bagi memenuhi kehendak pelajar dan institusi.

Pendedahan awal skop kerja berkaitan sangat penting bagi memastikan objektif Latihan dicapai dengan baik (M. M. Yusof & Mohiddin, 2018). Antara faktor yang perlu dipertimbangkan oleh pihak institusi adalah berkaitan medium pencapaian maklumat penempatan latihan industri sedia ada kepada pelajar adalah ditahap yang rendah dan perlu diambil perhatian serius oleh institusi bagi memastikan matlamat latihan industri seiring dengan matlamat dan hasrat Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) bagi melahirkan graduan yang hoslistik dan meningkatkan kebolehpasaran graduan politeknik dalam pekerjaan (KPT, 2022). Pembangunan dan perlaksanaan inisiatif baru perlu dilaksanakan bagi memperkasakan lagi struktur latihan industri dan disebarkan kepada pelajar dengan lebih meluas dan boleh dicapai dengan mudah (Mat Yusof & Hassan, 2019). Secara keseluruhannya, hasil dapatan kajian ini membuktikan pentingnya medium maklumat secara berpusat kepada pelajar bagi memastikan proses permohonan penempatan latihan industri dapat dilaksanakan dengan lebih efisien serta dapat mengurangkan peratus pelajar yang gagal mendapatkan tempat latihan dalam masa yang telah ditetapkan oleh institusi

Simpulan

Kajian ini dilaksanakan bagi mempertimbangkan peluang-peluang yang ada bagi mempertingkatkan lagi keberkesanan latihan industri dikalangan pelajar dengan menyediakan sistem pengurusan maklumat yang berkaitan dalam proses pemilihan dan permohonan penempatan industri dalam bidang yang bersesuaian dengan pelajar. Berdasarkan dapatan kajian, majoriti pelajar masih sukar mendapatkan maklumat keperluan industri dengan baik dan perlu menunggu masa yang lama untuk mendapatkan respon daripada pihak industri samada diterima atau ditolak untuk menjalani latihan mereka. Diharapkan pada masa akan datang dapat dilaksanakan penambahbaikan terhadap sistem pengurusan unit latihan industri politeknik dan industri dalam memastikan proses penempatan latihan industri yang lebih berkesan.

Referensi

- Dzia-Uddin, D. N. (2020). Keberkesanan Latihan Industri Graduan Diploma Pengurusan Perhotelan, KUIIM (Kohort 35 & 36): Tinjauan Dari Perspektif Majikan. *Jurnal Hospitaliti Dan Jaringan*, 1, 45–52.
- Haron, Z., & Mohamed, H. (2016). Tahap Efikasi Dengan Skor Pemantauan Pembelajaran Dan Pengajaran Pensyarah di Politeknik Melaka profesionalisme pensyarah, selaras dengan Teras Kedua dalam Strategik penilaian yang merupakan keyakinan subjektif individu mengenai Latar Belakang Kajian ber. 1, 71–80.
- Hasbullah, W., Wan, B., Sultan, P., Shah, A., Che, A. S., Aziz, A., Gopeng, K. K., Afifah, N., Sultanah, T., & Polytechnic, B. (2023). Hubungan Motivasi dengan Efikasi Kendiri Pemilihan Kerjaya dikalangan Pelajar Latihan Industri Politeknik Sultan Azlan Shah. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*, September.
- JPPKK. (2023). Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023-2030 (J. Sidang Editorial Bahagian Koordinasi TVET (BKT VET) (ed.)). Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.
- KPT. (2022). *Buku Panduan Pelaksanaan Latihan Industri Politeknik Malaysia Kementerian Pengajian Tinggi Edisi 2022 (2022nd ed.)*. Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital.
- Lim, N. (2024). Strategi Menyelesaikan Masalah Pelajar Kolej Komuniti. January.
- Mat Yusof, M., & Hassan, H. (2019). Menjalani latihan industri dalam kalangan pelajar politeknik di malaysia kaedah e-pembelajaran semasa. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 1(6), 49–59.
- Mohammad, N. (2023). Bentuk Malaysia baharu dengan konsep Madani demi pembangunan holistik. *DagangNews*, January. <https://www.dagangnews.com/content/bentuk-malaysia-baharu-dengan-konsep-madani-demi-pembangunan-holistik-23359>
- Tahrir, N. F., Atiqah, N., Nasir, M., & Radzali, A. (2023). Kebolehpasaran Pelajar Selepas Menjalani Latihan Industri bagi Program Diploma Teknologi Maklumat Politeknik Sultan Idris Shah : Era Pascapandemik. *Research and Innovation in Technical and Vocational Education and Training*, 3(1), 23–29.
- Yusof, M. M., & Mohiddin, N. H. (2018). Student Reflection on The Effectiveness of Industrial Training Courses: Study Case of Polytechnic Muadzam Shah Students. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education*, 2(2), 46–54.
- Yusof, N., Jamaluddin, Z., & Lazim, N. (2013). Persepsi Pelajar Prasiswazah Terhadap Kebolehpasaran Graduan dan Persaingan dalam Pasaran Pekerjaan. *Jurnal Personalia Pelajar*, 16, 77–92.